

<b>Headline</b>	<b>UMNO tidak boleh berkelahi</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>24. Mar 2008</b>	<b>Page No</b>	<b>4</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Article Size</b>	<b>132 cm<sup>2</sup></b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>		



## UMNO tidak boleh berkelahi

KUALA LUMPUR 23 Mac – Ahli UMNO perlu mengukuhkan perpaduan dan berusaha menstabilkan semula parti itu yang dilihat goyah selepas pilihan raya umum 8 Mac lalu serta mengelak daripada berkelahi sesama sendiri.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Mustapa Mohamed berkata, UMNO kini menghadapi terlalu banyak masalah dan menghadapi cabaran besar terutama apabila kehilangan kuasa di lima negeri dalam pilihan raya berkenaan.

“Kita akui memang banyak kesilapan pada masa lalu sehingga boleh kehilangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum lalu,” katanya kepada para pemerita ketika ditemui pada majlis sambutan Maulidur Rasul di kediamannya di sini hari ini.

Sehubungan itu katanya, lanjak Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yang menawarkan diri untuk bertanding merebut jawatan Presiden parti pada pemilihan akan datang perlu dipastikan tidak memburukkan lagi keadaan dalam parti.

“Hasrat Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan Presiden UMNO itu, biarlah Majlis Tertinggi yang memutuskannya pada mesyuarat akan datang,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas hasrat Tengku Razaleigh yang mena-

warkan diri untuk bertanding jawatan Presiden UMNO.

Mengenai penubuhan Majlis Penasihat Presiden yang dicadangkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Mustapa berkata, ia perlu diteliti dan jika dipersetujui ahli UMNO maka Perlembagaan parti perlu dipinda.

Katanya, walaupun secara rasminya majlis itu tidak wujud, Presiden UMNO masih mendapat nasihat daripada pelbagai pihak.

Sementara itu, Mustapa yang akan memulakan tugas baru sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, beliau akan meneruskan dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh menteri sebelum ini supaya sektor pertanian akan terus mantap.

“Saya akan menggunakan sepenuhnya pengalaman di kementerian lama dalam menjalankan tugas-tugas baru itu nanti,” ujarnya.

Menurut beliau, terdapat beberapa perkara yang berhubung kait dengan tugasnya ketika menerajui Kementerian Pengajian Tinggi iaitu penglibatan universiti dalam sektor pertanian.

Katanya, Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan antara yang banyak membuat penyelidikan baru dalam bidang pertanian dan beliau akan memperkuatkan kajian-kajian tersebut agar dapat meningkatkan usahawan tani.